# POSTGRADUATE RETREAT 2008

Program ini adalah julung kali diadakan dan bertempat di Tuaran Beach Resort pada 8-10 Ogos 2008. Objektif pertama adalah untuk menilai semula program pascasiswazah yang ditawarkan di SPE. Objektif kedua adalah untuk membincangkan penawaran program baru iaitu Ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan (DBA) dan Sarjana Ekonomi (M.Econs) secara kerja kursus. Objektif ketiga adalah untuk




menilai struktur pentadbiran pascasiswazah SPE. Program ini dijayakan oleh para pensyarah kanan SPE serta penilai akademik iaitu Prof. Karl Wagner (OUM) dan PM T. Ramayah (USM). Selain itu, program retreat ini turut disertai oleh penilai daripada industri yang terdiri daripada Dr. Leow Kah Loong (Maxis) dan Tn. Hj. Zulkifly Baharom [Perunding Sumber Manusia daripada Asia HRD Congress Sdn Bhd]. Terdapat pelbagai idea bernas yang telah diutarakan dan dibincangkan sepanjang program berkenaan bagi memperkasakan penawaran pascasiswazah di SPE.